

**Pemimpin Tidak Terpilih Diingatkan Berpegang Teguh Pada Ikrar Dan Janji -  
Muhyiddin  
Bernama  
19 April, 2013**

MUAR, 19 April (Bernama) -- Tan Sri Muhyiddin Yassin menasihati semua wakil rakyat dan pemimpin Barisan Nasional (BN) yang tidak dicalonkan dalam Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13) supaya berpegang teguh dengan ikrar dan janji setia yang telah dibuat dengan pucuk pimpinan BN sebelum ini.

Timbalan Perdana Menteri itu berkata pemimpin parti komponen BN telah berjanji akan menerima apa sahaja keputusan pemilihan calon dengan hati terbuka dan berkerja keras bagi memastikan kemenangan besar BN pada PRU13, 5 Mei ini.

Beliau berkata apa sahaja isu berhubung pemilihan calon perlu diselesaikan dan semua anggota dan pendukung gabungan BN perlu merapatkan barisan dan mengukuhkan perpaduan bagi menghadapi pilihan raya nanti.

Muhyiddin, yang juga Timbalan Pengerusi BN, berkata pemimpin parti komponen BN di semua peringkat perlu menunjukkan kesetiaan terhadap keputusan pemilihan calon dengan memberi sokongan penuh kepada calon yang ditetapkan.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melawat Pusat Daerah Mengundi (PDM) Kampung Tengah Sungai Terap, di sini Jumaat.

Menurutnya, beliau tahu ada pemimpin yang kecewa kerana tidak tercalon tetapi dalam masa yang sama ramai juga pemimpin yang dengan rela undur diri untuk memberi laluan kepada muka baharu.

"Untuk mereka yang tidak tercalon, ini bukan penghujung dalam perjuangan mereka sebagai ahli politik.

"Kita ucap terima kasih kepada pengorbanan mereka selama ini dan hargai jasa yang telah mereka sumbangkan kepada rakyat dan harap mereka tidak berhenti memberi sokongan," katanya.

Beliau berkata sokongan padu amat penting kerana dalam tempoh dua minggu akan datang jika tidak ditunjukkan semangat kerjasama ia akan menjadi halangan kepada usaha parti untuk mencapai kemenangan dalam pilihan raya nanti.

Mengulas sikap segelintir pemimpin yang mengugut untuk menjadi calon bebas kerana tidak tercalon, Muhyiddin berkata jika benar perkara itu berlaku secara automatik keahlian mereka akan digugurkan atau dipecat.

Beliau turut melahirkan keyakinan langkah BN mengumumkan lebih awal calon yang bertanding juga mampu mengubat kekecewaan calon yang tidak terpilih.

Muhyiddin juga memberi jaminan bahawa BN akan memastikan suasana penamaan calon esok akan berlangsung dalam suasana aman walaupun calon yang bertanding akan disertai oleh ramai penyokong.

Menurutnya penyokong keluar beramai-ramai pada hari penamaan calon adalah senario

yang biasa kerana mereka hendak menunjukkan sokongan terhadap parti.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=943537>